

Pelari pecut negara terima biasiswa daripada SMU

PUTERI pecut negara, Shanti Pereira, menjadi penerima pertama di-anugerahi biasiswa Yip Pin Xiu oleh Universiti Pengurusan Singapura (SMU) baru-baru ini.

Bekas pelajar Politeknik Republic berusia 20 tahun itu akan memulakan program mahasiswa selama empat tahun di Sekolah Perakaunan di universiti itu pada Ogos tahun ini.

Dilancarkan oleh SMU pada Disember lalu, biasiswa sukan itu dinamakan sempena srikandi renang Paralimpik Singapura, Yip Pin Xiu, 25 tahun, yang telah memenangi dua pingat emas di temasya Sukan Paralimpik Rio tahun lalu.

Yip merupakan mahasiswa tahun akhir SMU dalam jurusan sains sosial.

Shanti, yang memenangi pingat emas bagi acara larian 200 meter di Sukan SEA 2015, adalah atlet wanita pertama yang meraih pencapaian itu sejak kejayaan yang diraih oleh atlet nasional Glory Barnabas pada 1973.

Shanti terpaksa menunda pengajiannya selama dua minggu dari pengal pertamanya di SMU kerana perlu bertanding di Sukan SEA di Kuala Lumpur dari 19 hingga 31 Ogos nanti.

Di bawah biasiswa tanpa bon ini yang dilancarkan Disember lalu, Shanti akan menerima pengecualian yuran tuysyen selama empat tahun serta elaun sehingga \$12,000 bagi tempoh tersebut.

Dana itu juga akan membolehkannya menyertai program kepimpinan dan pembangunan diri, pertukaran

pelajar dan juga projek kemasyarakatan sekolah.

Malah, biasiswa itu juga memberi beliau peluang menjalani program pertukaran pelajar di Universiti Oregon di Amerika Syarikat yang terkenal dengan program atletiknya.

Universiti Oregon yang terkenal dengan gelaran The Ducks itu telah menghasilkan beberapa juara dunia dan juara Olimpik, termasuk pemenang rekod dekatlon dunia, Ashton Eaton, dari Amerika; dan juara maraton Sukan SEA 2015, Soh Rui Yong, yang baru sahaja menamatkan pengajian di universiti itu.

Shanti berkata bahawa pendekatan fleksibel SMU dalam membenarkan pelajar atlet mereka mengimbangi masa untuk bersukan dan belajar memberi manfaat kepada beliau.

"Ia membuat saya gembira dan berasa bangga menerima biasiswa yang dinamakan sempena Pin Xiu. Beliau memang hebat.

"Sudah tentu saya ingin mencontohi semangat beliau yang merupakan pelajar dan atlet terbaik.

"Saya tidak sabar mahu belajar bersungguh-sungguh daripada perlu berasa tertekan tidak dapat memenuhi tarikh akhir menyelesaikan sesuatu," kata Shanti.

Beliau juga mengalu-alukan peluang menyertai program pertukaran pelajar di Oregon sambil berkata:

"Ia merupakan satu cara yang baik untuk meningkatkan prestasi saya di trek. Justeru, usaha sekolah terus menyokong saya satu usaha baik."



SUMBER INSPIRASI: Shanti Pereira (*berdiri*) bersama Yip Pin Xiu, srikandi renang Paralimpik Singapura yang telah memenangi dua pingat emas di temasya Sukan Paralimpik Rio tahun lalu. Shanti mendapat biasiswa Yip Pin Xiu yang diberikan SMU untuk mengikuti kursus perakaunan di universiti tersebut. -- Foto SMU